

PM: Nilai semula demokrasi Barat

Daripada
ROZAID ABDUL RAHMAN
J.M. - 20 OCT 1993

NEW YORK 1 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengajak Barat menilai semula asas-asas demokrasi yang mereka amalkan selama ini yang jelas sekali gagal memberikan kepimpinan yang tegas.

Beliau berkata, jika dilihat dari Sidang Kemuncak Pemimpin Kumpulan 7 (negara-negara maju) di Tokyo baru-baru ini, tidak seorang pun pemimpin berkenaan mampu memimpin dunia.

"Yang jelas ialah mereka semua merupakan para pemimpin yang lemah," kata Dr. Mahathir ketika berucap di majlis makan tengah hari anjuran Majlis Hal Ehwal Luar iaitu satu

kumpulan *think tank* yang selama ini menyumbangkan buah fikiran kepada penggubalan dasar luar Amerika Syarikat.

Dalam ucapan, yang berterus terang, kuat, berani dan jelas mengkritik kepimpinan Barat yang menguasai dunia, Dr. Mahathir berkata, demokrasi sepatutnya bermakna pemerintahan oleh suara majoriti, tetapi apa yang berlaku ialah mereka (pemimpin yang beliau maksudkan ini) menerima sokongan lemah dengan kadar minoriti.

Bagaimanapun, katanya, apa yang berlaku ialah pada masa yang sama, mereka ini mewakili negara-negara demokrasi yang paling berkuasa di dunia.

Perdana Menteri mene-

■ Lihat muka 2

Nilai semula demokrasi Barat — PM

U.M. - 20 OCT 1983

gaskan, kelemahan para pemimpin Barat semakin kelihatan pada waktu ini, di mana mereka gagal menyelesaikan pelbagai konflik yang berlaku di serata pelosok dunia, tidak mampu menyelesaikan isu-isu ekonomi antarabangsa, serta sosial dan yang paling menyedihkan ialah suara negara-negara dunia ketiga dan membangun masih diketepikan.

Dalam perdagangan dunia pula, kuasa besar mengamalkan satu polisi yang menindas negara kecil dan polisi hanya digubal untuk mencapai kepentingan jangka pendek dan sama ada ia akan membawa kehancuran pada jangka masa panjang tidak pernah dipedulikan.

Pemimpin dunia menurut fahaman⁴Dr. Mahathir, mestilah seorang yang bukan sahaja melihat kepentingan dalam kepompongnya sahaja, tetapi mesti berseadanya dan mampu melakukan apa yang benar dan adil untuk semua.

Oleh itu, jelas sekalilah, katanya bahawa dunia memerlukan kepimpinan yang tegas.

Ketika menyatakan pemikirannya mengenai masalah dunia yang semakin kalut, Dr. Mahathir menyorot kembali bagaimana pada zaman puak pelampau Kristian menguasai Eropah, kumpulan ini menindas dan menguasai kehidupan masyarakatnya sehinggakan menyebabkan begitu ramai berhijrah keluar ke dunia baru (kini Amerika Syarikat).

"Kini apa yang berlaku ialah lahir pula kumpulan demokrat pelampau yang memaksa orang lain mengamalkan demokrasi ala kepimpinan mereka.

"Kumpulan demokrat liberal ini berpendapat pelampau Kristian itu tidak betul. Kita berpendapat kini wujud pula pelampau demokrat yang terlalu demokrat dan jika dikaji dengan mendalam tidak ada bezanya pelampau Kristian dahulu dengan pelampau demokrat yang kini cuba menekan dan memaksa fahaman mereka ke atas orang lain," tegas Perdana Menteri.

Dalam ucapannya itu, Dr. Mahathir juga menyentuh mengenai asas-asas demokrasi dan ideologi politik dengan menyifatkannya sebagai "bukan satu fahaman agama."

Beliau ringkas berkata: "Demokrasi hanyalah semata-mata satu sistem politik yang tidak mungkin sempurna."

Adalah berbahaya, kata Dr. Mahathir untuk menjadikan ideologi satu fahaman agama.

"Selama 70 tahun Russia mengamalkan

komunisme sebagai satu agama sehingga akan setiap sudut kehidupan yang diamalkan atas nama komunisme ditelan begitu sahaja tanpa soal.

"Jawapannya, dari sebuah negara yang kaya dengan hasil semula jadi serta kebudayaan rakyat yang tinggi dan bijak akhirnya negara itu menjadi miskin dan ketinggalan ke belakang.

"Adalah jelas sekali kepada dunia luar bahawa jauh daripada mengagihkan kekayaan negara kepada rakyat, komunisme sebaliknya mengagih-agihkan kemiskinan.

"Janji kononnya ia adalah syurga pekerja hanya tinggal janji. Akhirnya negara komunis menjadi sebuah negara diktator yang menekan para pekerja.

"Begitu...tiada siapa yang berani mempersoalkan ideologi dan sistem yang berjalan bersama-samanya. Semua orang menjadi pengikut yang taat dan setia sehinggakan kesalahan dan ketidakbenaran dilihat sebagai satu kesucian," jelasnya.

Dengan itu, katanya, komunisme terus berjalan dengan meninggalkan kesengsaraan dan kemusnahan kepada ekonomi Russia selama 70 tahun sehinggalah ia memerlukan seorang pemimpin yang berani untuk mendaki ke puncak sistem itu untuk memusnahkannya.

Ideologi

Jelaslah di sini, tegas Dr. Mahathir, menjadikan satu ideologi itu satu agama amat berbahaya dan kini dunia melakukannya di atas nama demokrasi pula.

"Menentang demokrasi dan anda akan dilabelkan sebagai orang yang menyimpang jauh dari agama dan kita akan dilabelkan dan dihantui oleh media massa yang demokratik dan demokrat yang fanatik.

"Malaysia adalah sebuah negara demokratik dan saya adalah seorang yang berfahaman demokratik. Amerika mungkin akan ketawa dengan dakwaan ini, tetapi kami di Malaysia akan terus menegaskan bahawa kami adalah rakyat yang demokratik.

"Pandangan kami ialah demokratik itu bukanlah satu agama, tetapi semata-mata satu sistem politik yang tidak mungkin sempurna dan bukan pula satu sistem yang boleh menyelesaikan semua masalah sosial, politik dan ekonomi," ujarnya.—
Utusan.